



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**FAKTOR-FAKTOR PENINGKATAN KADAR HARTA PUSAKA
TIDAK DITUNTUT DAN IMPLIKASI TERHADAP
MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA**

*FACTORS OF EXPANSION RATE OF UNCLAIMED INHERITANCE AND
IMPLICATION TOWARDS THE MALAYSIAN ISLAMIC SOCIETY*

Siti Fadhilah Ghazali^{1*}, Naimah Abu Kasim², Nabilah Wafa' Mohd Najib³

¹ Faculty of Muamalat and Islamic Finance, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Malaysia
Email: fadhilahghazali@kuips.edu.my

² Faculty of Muamalat and Islamic Finance, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Malaysia
Email: naimah.abukasim@kuips.edu.my

³ Faculty of Muamalat and Islamic Finance, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Malaysia
Email: nabilahwafa@kuips.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 04.12.2023

Published date: 12.12.2023

To cite this document:

Chazali, S. F., Kasim, N. A., & Najib, N. W. M. (2023) Faktor-Faktor Peningkatan Kadar Harta Pusaka Tidak Dituntut Dan Implikasi Terhadap Masyarakat Islam Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (34), 82-92.

DOI: 10.35631/IJLGC.834006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Saban tahun, kadar kes harta pusaka yang tidak dituntut kian meningkat di Malaysia. Peningkatan masalah harta pusaka beku ini menimbulkan pelbagai isu dan menjadi semakin sukar untuk diselesaikan. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada isu harta pusaka yang tidak dituntut ini; antaranya adalah sikap ahli waris dalam pengurusan harta pusaka milik mereka dan proses pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Akibat daripada harta pusaka yang tidak dituntut akan memberikan implikasi buruk terhadap masyarakat Islam di negara ini. Oleh sebab itu, kajian ini akan menganalisis faktor berlakunya isu harta pusaka yang tidak dituntut dan implikasinya terhadap agama Islam, ekonomi dan perundangan negara. Metodologi yang akan digunakan adalah kajian kualitatif yang menggunakan analisis sumber sekunder iaitu buku, makalah jurnal, keratan akhbar dan laman sesawang berkaitan isu harta pusaka yang tidak dituntut ini.

Kata Kunci:

Harta Pusaka, Harta Beku, Pengagihan Harta, Pentadbiran Harta Pusaka, Faraid

Abstract:

Every year, the rate of unclaimed inheritance cases is increasing in Malaysia. The increase in the problem of frozen estates raises various issues and becomes

difficult to resolve. There are various factors that contribute to this unclaimed property issue among them is the attitude of the heirs in the management of their inheritance and the process of inheritance administration in this country. The consequences of this unclaimed property will have bad implications for the Muslim community in this country. For this reason, this study will analyse the factors that cause the issue of unclaimed inheritance and the implications for Islam, economy, and legal perspectives. The methodology that will be used is a qualitative study that uses the analysis of secondary sources such as books, journal papers, newspapers, and websites related to the issue of unclaimed property.

Keywords:

Inheritance, Unclaimed Property, Estate Distribution, Administration Of Inheritance, Faraid

Pengenalan

Harta beku ialah merujuk kepada harta seseorang yang masih tertahan daripada sebarang transaksi mahupun urusan pengagihan kepada waris selepas kematian pemilik harta sebelum proses pentadbiran harta pusaka tersebut sempurna diproses (Nur Fadlin & Azlin Anisa, 2022). Harta pusaka beku yang tidak dituntut ini bukanlah satu fenomena baru dalam kalangan masyarakat Islam di negara kita pada hari ini. Peningkatan jumlah harta pusaka beku yang tidak dituntut saban tahun semakin membimbangkan. Dianggarkan hampir RM 70 bilion jumlah harta beku dan tidak dituntut di Malaysia dan 90 peratus daripadanya adalah milik orang Melayu (Berita Harian, 2021). Keadaan ini dilihat semakin membimbangkan kerana jumlah ini dianggarkan akan bertambah pada setiap tahun.

Kadar harta pusaka sebesar ini pastinya dapat membantu meningkatkan ekonomi negara sekiranya ia dapat diselesaikan. Namun begitu, kegagalan masyarakat Islam melakukan tindakan segera pastinya akan menambahkan lagi permasalahan dan sekaligus akan menjejaskan ekonomi dan pembangunan negara (Nik Wajis, 2018). Fenomena harta pusaka beku ini juga bertentangan dengan ruh *Maqasid Syariah* yang menganjurkan akan agar ia ditadbir dengan baik demi kemaslahatan ummah (Mohd Arafat 2017).

Di Malaysia, terdapat tiga institusi yang mengendalikan kes-kes pusaka yang bidang kuasa institusi tersebut adalah bergantung kepada nilai dan jenis harta yang ditinggalkan oleh si mati. Institusi ini terdiri daripada Seksyen Pembahagian Pusaka (Pejabat Pusaka Kecil), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), dan Amanah Raya Berhad (ARB) (Akmal Hidayah & Azhani, 2014). Perbezaan institusi ini tertakluk kepada bidang kuasa yang berlandaskan peruntukan statut khasnya yang tersendiri.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti terhadap faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pertambahan kadar harta pusaka beku yang tidak dituntut dan implikasinya terhadap masyarakat Islam di Malaysia.

Sorotan Literatur

Konsep Harta Pusaka Yang Tidak Dituntut/ Harta Beku

Harta pusaka secara umumnya bermaksud ialah harta yang ditinggalkan oleh si mati untuk dipusakai oleh waris-warisnya (Resali Muda, 2016). Harta pusaka beku ialah harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati tetapi tidak diuruskan pembahagiannya dalam kalangan ahli waris (Nabila Ayuni, 2022). Harta beku ialah harta seseorang yang masih tertahan daripada sebarang transaksi mahupun urusan pengagihan kepada waris selepas kematian pemilik harta sebelum proses pentadbiran sempurna diproses (Siti Shamsiah, 2020). Harta beku ialah isu yang sedang dihadapi dalam negara kita, dan keadaannya dilihat semakin buruk. Harta berkenaan telah terbiar dan tidak dapat diuruskan dengan sempurna oleh ahli waris.

Peningkatan Kadar Harta Beku Milik Orang Islam Di Malaysia

Peningkatan jumlah harta atau aset yang tidak dituntut saban tahun amatlah membimbangkan. Pada tahun 2004 nilai harta beku dalam negara kita dianggarkan berjumlah RM15 bilion (Siti Shamsiah, 2020). Namun begitu, pada tahun 2010, ianya meningkat kepada RM41 bilion. Lebih membimbangkan lagi, pada tahun 2013, dianggarkan kira-kira RM60 bilion harta beku di Malaysia (Utusan Malaysia, 2016). Malangnya, jumlah harta beku saban tahun semakin meningkat sehinggalah pada 2020, angkanya telah mencecah sebanyak RM 70 bilion ringgit dan 90 peratus daripadanya milik orang Melayu. (Berita Harian, 2021).

Jadual 1: Statistik Jumlah Nilai Harta Beku/Harta Yang Tidak Dituntut di Malaysia, Bermula Tahun 2004 Hingga 2020

| Bil | Tahun | Anggaran jumlah harta beku/harta tidak dituntut |
|-----|-------|---|
| 1 | 2004 | RM 15 bilion |
| 2 | 2010 | RM 41 bilion |
| 3 | 2013 | RM 60 bilion |
| 4 | 2020 | RM 70 bilion |

Statistik berikut tidak menyatakan secara khusus pemilikan harta dari orang Islam, namun dapat dianggarkan kebanyakannya adalah meliputi harta orang Islam. (Hani Kamariah, et.Al., 2020). Jumlah harta beku ini jika dapat dicairkan ianya akan memberi kebaikan bukan sahaja kepada waris namun memberi impak yang positif dalam ekonomi dan kesejahteraan sosial memandangkan ianya merupakan salah satu sumber perolehan ekonomi kepada masyarakat Islam (Nik Rahim, et.Al., 2018).

Perundangan Berkaitan Pengurusan Harta Pusaka Di Malaysia

Di Malaysia pentadbir pusaka merupakan badan atau institusi dari kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Mahkamah Tinggi, Seksyen Pembahagian Pusaka (Pejabat Pusaka Kecil), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), dan Amanah Raya Berhad (Hani Kamariah et.Al., 2020).

Ketiga-tiga agensi ini memainkan peranan dan fungsi yang berbeza pada setiap satunya. Perbezaan agensi ini tertakluk kepada bidang kuasa yang berlandaskan peruntukan statut khasnya yang tersendiri. Undang-undang yang terpakai bagi pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam dan bukan Islam di negara ini ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Nur Fadlin & Azlin Alisa, 2022).

Metodologi Kajian

Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan maklumat mengenai faktor-faktor berlakunya peningkatan kadar harta pusaka beku dan implikasinya terhadap Masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini diperolehi daripada artikel jurnal tertentu yang banyak membincangkan mengenai isu berkaitan harta pusaka Islam yang beku akibat tidak dituntut atau diselesaikan oleh waris-waris. Ini bermakna data dan maklumat sekunder digunakan untuk mencapai objektif kertas kerja ini. Analisis kajian ini dijalankan secara analisis kandungan (*content analysis*).

Faktor-Faktor Utama Berlakunya Harta Pusaka Tidak Dituntut Di Malaysia

Isu harta pusaka tidak dituntut atau beku ini dilihat semakin meruncing terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu di negara kita. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pertambahan kadar harta pusaka yang tidak dituntut ini. Antara faktornya ialah:

Kurang Kefahaman Tentang Konsep Pembahagian Harta Secara Faraid

Di antara faktor yang membawa kepada berlakunya pertambahan kadar harta pusaka yang tidak dituntut adalah masyarakat kurang faham akan konsep pembahagian harta secara *faraid* (Rusnadewi Abdul Rashid & Noor Inayah Yaakub, 2010). Secara umumnya, sebahagian besar dalam masyarakat Islam mengetahui bahawa harta pusaka perlu dibahagikan mengikut Hukum *Faraid* apabila berlaku kematian seseorang individu. Namun, pemahaman masyarakat mengenai Hukum *Faraid* secara literal menyebabkan harta pusaka tersebut menjadi sukar untuk dibahagikan mengikut pecahan yang telah ditetapkan.

Adalah penting bagi masyarakat Islam tahu bahawa pembahagian mengikut Hukum *Faraid* bukanlah berdasarkan pecahan semata-mata, namun ia juga merangkumi pembahagian secara *takharuj*. *Takharuj* bermakna ahli waris menarik diri daripada menerima bahagian harta pusaka sama ada sebahagian atau kesemuanya dengan memberikan bahagiannya itu kepada waris lain sama ada dengan balasan atau tanpa balasan (Md Yazid, et.Al., 2017). *Takharuj* sebenarnya memberi ruang kepada waris-waris membahagikan harta dengan cara terbaik (Ahmad, et.Al.,2019). Jika masyarakat memahami konsep sebenar Hukum *Faraid*, maka pembahagian pusaka akan menjadi lebih mudah dan praktikal. Namun begitu, kaedah *takharuj* ini dilihat masih kurang diamalkan oleh kerana pemikiran masyarakat masih lagi dibelenggu oleh cara pembahagian secara pecahan *faraid* yang ditafsir secara sempit.

Sikap Bertanggungjawab Waris Dan Memandang Remeh Terhadap Pembahagian Harta Pusaka

Sikap ahli waris yang tidak bersegera dalam menguruskan harta pusaka simati juga menyumbang kepada harta beku ini. Sentimen "*tanah kubur arwah masih merah*" menyebabkan ahli waris cenderung untuk bertanggung-tanggung untuk menguruskan harta pusaka si mati (Nik Rahim, et.Al., 2018). Tanggapan ini hendaklah diubah ekoran kadar harta beku yang semakin meningkat. Sikap bertanggung tersebut membawa kepada berlaku kematian ahli waris yang lain dan menjadi kes pusaka berlapis (Muhammad Amrullah & Wan Noraini, 2018). Kes pusaka berlapis ini akan membuatkan kes pusaka si mati menjadi lebih rumit untuk diselesaikan kerana berlakunya pertambahan ahli waris.

Selain itu, sikap bertanggung ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya kehilangan dokumen-dokumen penting si mati (Nurul Nadiah & Umar, 2022). Sebagai contoh, sijil kematian, sijil perkahwinan, sijil penceraian, dokumen pengangkatan bagi anak angkat serta dokumen mengenai aset dan liabiliti si mati. Kesemua dokumen tersebut amat maklumat diperlukan bagi proses permohonan pusaka di institusi yang berbidangkuasa bagi

mengendalikan kes pusaka tersebut. Sekiranya waris-waris si mati gagal mengemukakan dokumen tersebut, proses pusaka si mati akan menjadi lebih sukar dan perintah pembahagian tidak boleh dikeluarkan disebabkan ketiadaan dokumen dan maklumat yang diperlukan.

Tiada Persefahaman Dan Persetujuan Dalam Kalangan Ahli Waris

Pertikaian di antara ahli waris akibat tiada persefahaman dan persetujuan di antara satu sama lain juga menyebabkan kes pusaka si mati tidak dapat diselesaikan (Azizi & Muhammad Ashraf Aliff, 2020). Masalah perselisihan dan perbalahan dalam kalangan waris akan menyukarkan kerjasama di antara mereka untuk memulakan permohonan pembahagian pusaka yang secara langsung akan menyumbang kepada peningkatan tanah pusaka terbiar. Kegagalan menguruskan pusaka akan menyebabkan aset tidak dapat dimaju dan dimanfaatkan sehingga proses pembahagian pusaka berlaku dan diturun milik daripada nama si mati kepada nama waris-waris si mati yang berhak. Sebagai contoh, sebidang tanah yang berkeluasan kurang daripada satu ekar menjadi perebutan di antara 15 orang waris. Walaupun undang-undang tanah negara membenarkan tanah pusaka ini diturunmilik kepada banyak penama, namun ia boleh mengakibatkan nilai tanah tersebut menjadi rendah dan sukar untuk dikomersialkan (Mohd Shahril, 2016).

Sikap ahli waris yang tidak bertolak ansur dan mementingkan diri sendiri akan menyebabkan kes pusaka semakin rumit untuk diselesaikan (Mohamad Ali Roshidi, 2021). Selain menyebabkan harta tersebut tidak dapat dimanfaatkan dengan sempurna, sikap sedemikian juga akan terputus hubungan kekeluargaan dalam kalangan waris.

Kewujudan Pelbagai Bidangkuasa Dalam Pentadbiran Harta Pusaka Di Malaysia

Masalah kewujudan pelbagai bidangkuasa dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia menyebabkan masyarakat keliru untuk memulakan kes pusaka (Muhammad Amrullah & Wan Noraini Mohd Salim, 2018). Kekeliruan masyarakat ini menyumbang kepada harta pusaka beku yang tidak dituntut (Azizi & Muhammad Ashraf Aliff, 2020).

Peningkatan terhadap jumlah harta pusaka yang tidak dituntut atau nilai aset beku yang sangat tinggi ini telah menjadi isu berlarutan dan terpaksa dihadapi oleh penduduk Islam di Malaysia. Fenomena ini boleh menyumbang kepada implikasi buruk terhadap agama, perundangan, dan ekonomi kepada masyarakat Islam di Malaysia. Secara amnya, harta pusaka ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pusaka ringkas, pusaka kecil dan pusaka besar (Nik Rahim, et.Al., 2018). Ketiga-tiga kategori harta pusaka ini adalah berdasarkan kepada kategori harta sama ada harta alih atau tidak alih dan nilai harta tersebut, sama ada berwasiat atau tidak berwasiat.

Sehingga ke hari ini, institusi pusaka merupakan badan atau institusi dari kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Mahkamah Tinggi, Seksyen Pembahagian Pusaka (Pejabat Pusaka Kecil), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), dan Amanah Raya Berhad (ARB) (Nur Fadlin & Azlin Alisa, 2022).

Mahkamah Tinggi berbidangkuasa dalam mengendalikan kes pusaka yang melibatkan harta pusaka besar. Harta pusaka besar ialah merujuk kepada harta pusaka yang terdiri daripada harta alih dan harta tidak alih yang berjumlah melebihi daripada RM 2 juta ketika permohonan dibuat. Pentadbiran harta pusaka besar ini adalah tertakluk di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Seksyen Pembahagian Pusaka (Pejabat Pusaka Kecil) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) merupakan satu agensi yang menguruskan kes pusaka yang melibatkan harta pusaka kecil, sepertimana yang diperuntukkan oleh Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Harta pusaka kecil bermaksud harta si mati yang terdiri daripada harta alih dan harta tidak alih tanpa wasiat yang mana nilainya tidak melebihi RM 2 juta.

Amanah Raya Berhad (ARB) merupakan institusi yang mengendalikan kes pusaka yang melibatkan harta pusaka ringkas. Harta pusaka ringkas ialah harta si mati tidak berwasiat yang terdiri daripada harta alih sahaja, yang mana nilainya tidak melebihi RM600,000 ketika permohonan pusaka dibuat. Pentadbiran harta pusaka ringkas ini adalah tertakluk di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.

Ketiga-tiga agensi ini memainkan peranan dan fungsi yang berbeza pada setiap satunya. Perbezaan agensi ini tertakluk kepada bidang kuasa yang berlandaskan peruntukan statut khasnya yang tersendiri. Undang-undang tersebut ialah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 bagi Mahkamah Tinggi, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 bagi Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1950 bagi Amanah Raya Berhad (ARB).

Jadual 2: Institusi-institusi Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia

| Institusi | Jenis harta | Nilai harta | Statut |
|---|----------------------|---|--|
| Mahkamah Tinggi | Harta Pusaka Besar | Harta alih dan tak alih bernilai lebih dari RM2 juta atau harta berwasiat (bagi orang bukan Islam). | Akta Probet dan Pentadbiran 1959 |
| Seksyen Pembahagian Pusaka (Pejabat Pusaka Kecil) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) | Harta Pusaka Kecil | Harta alih dan tak alih tidak tidak berwasiat bernilai lebih dari RM2 juta. | Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 |
| Amanah Raya Berhad (ARB) | Harta Pusaka Ringkas | Harta alih kirang dari RM600,000. | Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 |

Rentetan dari kepelbagaian institusi dan undang-undang pusaka, maka terdapat juga beberapa kategori dan jenis harta pusaka berdasarkan penilaian dan bentuk harta pusaka ditinggalkan oleh si mati sebagai kayu ukur bagi menentukan kedudukan dan bidang kuasa institusi-institusi yang berkenaan. Kewujudan pelbagai bidangkuasa ini telah menimbulkan kekeliruan terhadap orang awam terutamanya ahli waris mengenai tempat untuk mereka memfailkan kes pusaka si mati. Kekeliruan ini boleh menyebabkan ahli waris hilang punca akibat tiada dorongan bagi menguruskan hal ehwal pembahagian harta si mati.

Implikasi Harta Pusaka Tidak Dituntut

Fenomena harta pusaka beku tidak dituntut ini bukanlah satu isu yang baru dalam kalangan masyarakat kita. Namun, harta pusaka beku ini akan memberikan implikasi negatif terhadap agama, ekonomi dan perundangan di Malaysia.

Implikasi Dari Sudut Islam

Secara umumnya, pembahagian harta pusaka dilakukan sebaik sahaja hal-hal berkaitan pengebumian jenazah selesai dengan mengurus hutang si mati, melaksanakan wasiat dan harta sepencarian, dan faraid kepada waris yang berhak (Mohd Shahril, 2016). Daripada turutan ini, kita dapati bahawa, urusan pusaka perlu disegerakan bagi mengelak harta pusaka dimakan atau dikuasai secara *batil* oleh ahli waris. Kelewatan waris dalam menguruskan kes pusaka boleh menyebabkan tanggungjawab si mati yang belum diselesaikan seperti hutang atau wakaf tidak dilunaskan. Kesemua perkara ini akan menjadi tertanggung selagi pembahagian harta pusaka si mati tidak diselesaikan oleh ahli waris. Oleh itu, pengurusan harta pusaka si mati hendaklah disegerakan bagi mengelakkan ahli waris terdedah kepada fenomena memakan harta secara *batil* dan menggunakan harta secara tidak sah (Rusnadewi & Noor Inayah, 2010).

Kegagalan dan kelewatan waris-waris dalam menguruskan harta pusaka ini menyebabkan waris-waris terdedah kepada memakan hak orang lain seperti anak yatim, ibu bapa yang lanjut usia dan ibu-ibu tunggal. Ini adalah satu bentuk penganiayaan kepada mereka akibat daripada kegagalan menyelesaikan harta pusaka oleh kerana mereka memerlukan harta pusaka tersebut demi kelangsungan hidup.

Selain itu, harta pusaka yang tidak diuruskan ini akan bercampur baur dengan harta-harta lain, yang akhirnya menyebabkan kesukaran untuk dibahagikan kepada ahli waris. Akibatnya, bahagian ahli waris ini akan menjadi semakin sukar untuk ditentukan. Tambahan pula, harta pusaka yang sudah lama tidak diurus akan melibatkan kos yang tinggi dalam urusan tuntutan (Muhammad Amrullah & Wan Noraini, 2018).

Implikasi Dari Segi Ekonomi

Selain daripada implikasi dari sudut agama, kegagalan menguruskan harta pusaka ini juga boleh menyumbang kepada impak yang besar kepada ekonomi negara (Nur Fadlin & Azlin Alisa, 2022). Dengan berlaku lambakan harta pusaka yang tidak diurus, maka berkurang penghasilan dan janaan pendapatan bagi menyemarak dan memajukan keperluan ekonomi masyarakat Malaysia secara amnya, dan masyarakat Islam khususnya. Tanah-tanah yang mempunyai nilai yang tinggi untuk dikomersialkan tidak dapat dimajukan akibat daripada masalah kegagalan pengagihan harta pusaka (Rusnadewi & Noor Inayah, 2010). Hal ini kerana hak milik ke atas tanah tersebut masih lagi didaftarkan di bawah nama si mati. Tanah pusaka milik si mati akan menyebabkan tanah itu menjadi sukar untuk ditadbir, diurusniaga, dan dibangunkan.

Sikap bertanggung waris dalam menyelesaikan harta pusaka telah menyebabkan sebahagian besar tanah-tanah pertanian yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan terbiar begitu sahaja tanpa diurus (Nur Fadlin & Azlin Alisa, 2022). Natiujahnya, tanah pusaka yang dapat dijadikan modal untuk menjana kekayaan dan kesenangan terhadap ahli waris tidak dapat dimanfaatkan dan diusahakan dengan sebaiknya. Sekiranya tanah pertanian itu diusahakan, maka ia dapat memberi pelbagai manfaat kepada ahli waris yang berhak mahupun masyarakat. Selain daripada dapat menjana pendapatan negara, hartanah juga akan membuka banyak peluang pekerjaan kepada orang ramai (Harian Metro, 2023). Perkara ini jelas akan membawa kerugian yang besar tanah merupakan salah satu aset yang mampu menjadi sumber pemangkin kepada ekonomi negara. Tambahan pula, pembekuan aset atau harta ini adalah bertentangan dengan *Maqasid Syariah*, yang mana penjagaan harta adalah dianjurkan supaya ia ditadbir dengan baik demi kemaslahatan umat Islam (Mohd Arafat, 2017).

Implikasi Terhadap Perundangan

Dari aspek undang-undang pula, status pemilikan oleh waris-waris masih tidak rasmi selagi tanah masih hakmilik si mati. Proses akan menjadi lebih rumit dalam tuntutan harta pusaka yang berlapis (Rusnadewi & Noor Inayah, 2010). Di Malaysia, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) merupakan sumber perundangan tanah negara memperuntukkan bahawa hartanah yang tidak dituntut dan terbiar boleh diambil balik oleh pihak berkuasa negeri. Peruntukan ini jelas di bawah seksyen 100, 351 dan 352 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN).

Penguatkuasaan terhadap seksyen 100 KTN dilaksanakan dengan tindakan pelucutan hak pemilikan sekiranya tanah si mati tidak menjelaskan cukai tanah disebabkan oleh pengabaian dalam pemohonan pusaka. Hal ini bermaksud jika selepas tamat tempoh setelah tiga (3) bulan bayaran yang dituntut tidak juga dijelaskan, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah membuat satu perintah bagi mengisytiharkan tanah itu dilucuthak dan menjadi milik Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 351 dan 352 Kanun Tanah Negara iaitu tindakan perkembalian hak (*reversion*) sekiranya tiada permohonan pembahagian pusaka dibuat (Md Yazid, et.Al.,2018).

Seksyen 351 KTN memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil milikan sesuatu tanah apabila ianya ditinggalkan akibat kematian pemilik tanah tanpa waris. Seksyen 352 KTN menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil milikan sesuatu tanah apabila ianya ditinggalkan akibat kematian pemilik tanah tanpa waris (Robiah & Mohammad Tahir Sabit, n.d).

Meskipun peruntukan-peruntukan tersebut hanyalah dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara 1965 secara umum, namun ia boleh digunapakai terhadap tanah bermilik yang tidak memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan, termasuk tanah pusaka yang tidak diuruskan (Rusnadewi & Noor Inayah, 2010).

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa faktor-faktor peningkatan kadar harta pusaka beku di Malaysia dan implikasinya terhadap masyarakat Islam di Malaysia menjadi sangat signifikan. Masyarakat Islam di Malaysia hendaklah memahami hukum perwarisan Islam dan menyegerakan pengurusan harta pusaka si mati. Hal ini kerana sekiranya masyarakat khususnya ahli waris memahami konsep pengurusan harta pusaka dan prosedurnya, ia akan dapat melancarkan proses harta pusaka yang dituntut di agensi yang berkaitan seperti Mahkamah Tinggi Sivil, Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), serta Amanah Raya Berhad. Kelewatan pengurusan harta pusaka tersebut akan menimbulkan implikasi yang besar terhadap agama, ekonomi dan perundangan negara. Oleh yang demikian, masalah ini hendaklah diberi perhatian yang lebih serius agar harta yang dimiliki dapat diwarisi dengan sebaiknya tanpa sebarang kesulitan dan kesusahan kepada ahli waris yang berhak menerimanya.

Instrumen perancangan harta pusaka seperti hibah dan wasiat boleh dipraktikkan oleh masyarakat Islam. Proses perancangan harta yang sempurna dapat memberi kebaikan kerana ia dapat mengelakkan berlakunya harta beku dan mengembangkan ekonomi negara. Budaya perancangan harta amat penting bagi kelestarian hidup dan memastikan harta yang diperolehi tersebut dapat dijana dan dimanfaatkan kepada ahli waris yang berhak (Muhamad Husni Hasbulah, 2015). Selain itu, masalah birokrasi pentadbiran juga dapat dielakkan oleh waris-warisan semasa proses pengurusan harta pusaka dijalankan.

Melalui hasil dapatan kajian ini dapat menyumbang dan memberi sumbangan kepada institusi-institusi-institusi perundangan dalam mengatur strategi untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan bahawa harta pusaka hendaklah diselesaikan dengan segera apabila berlaku kematian agar kadar harta pusaka beku tidak bertambah. Hasil dapatan juga menyumbangkan ilmu pengetahuan dalam bidang harta pusaka Islam dan ia dapat dirujuk oleh penyelidik-penyelidik akan datang.

Namun begitu, dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh penyelidik. Antaranya adalah data perundangan yang sulit dan penyelidik mempunyai kekangan dalam membuat kajian mengenai cara menyelesaikan isu harta pusaka tidak dituntut disebabkan kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor dan implikasinya sahaja. Dicadangkan kepada penyelidik untuk melaksanakan kajian yang tidak terhad kepada peningkatan kadar harta pusaka beku dan implikasinya terhadap masyarakat Islam di Malaysia, tetapi menumpukan juga kepada penyelesaian bagi harta pusaka beku atau tidak dituntut ini.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penulis yang disenaraikan atas bantuan dan sumbangan idea dan pengetahuan. Penghargaan khas juga ditujukan kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) & Peraturan-Peraturan. (2015). Petaling Jaya: Penerbit Lembaga Penyelidikan Undang-Undang.
- Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532). (2010). Penerbit Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97) & Peraturan-Peraturan. (2017). Petaling Jaya: Penerbit Lembaga Penyelidikan Undang-Undang.
- Abdullah, H. K. M., Ab Rahman, S., Khalid, R. M., & Abdullah, N. A. M. (2020). Perkembangan Pengurusan dan Pentadbiran Harta Pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1), 42-53. Diambil daripada <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/100>.
- Ab Rahman, S., Md Khalid, R., Abd Razak, A., Jaafar, A. B (2018). Pemerkasaan Mahkamah Syariah dalam Pentadbiran Harta Pusaka Masyarakat Islam menurut Kerangka Federalisme di Malaysia. *Akademika*, 88(3), 113-125. Diambil daripada <http://ejournals.ukm.my/akademika/issue/view/1091>.
- Abdul Malek, N. A. (2022). Isu Harta Pusaka Beku di Malaysia. *JUU LEX READ*. Diambil daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/70496> pada 1 September 2023
- Abdul Rashid, R., & Yaakub, N. I. (2010). Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5(2). Diambil daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/32037/>.
- Abu, J., Hamid, F., Abdullah, N., Yunus, N. M., & Zainudin, A. Z. (2022). Challenges of Idle Small Estate Issues and Potential Solution/Cabaran Isu Tanah Pusaka Terbiar dan Potensi Penyelesaian. *Sains Humanika*, 14(3), 49-55. <https://doi.org/10.11113/sh.v14n3.1954>.
- Ahmad, M. A. R. (2021). The Role of Legal Heirs to Resolve Unclaimed Properties in Malaysia. *Proceedings of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)*, 298-306. Diambil daripada <http://conference.kuis.edu.my/icomm/8th/images/021-112.pdf>.

- Ahmad, M. Y. (2017). Amalan Muafakat dan Aplikasi Takharuj dalam Pengagihan Pusaka Menurut Perspektif Undang-undang Pusaka Islam. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 39(1). Diambil daripada <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/issue/view/1030>.
- Ahmad, M. Y., Jamsari, E. A., Nasir, B. M., Hehsen, A., & Hassan, W. Z. W. (2017). Flexibility of Takharuj Principle in Solving the Inheritance Issues. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(11), 867-878. Diambil daripada <http://http://iaeme.com/Home/issue/IJCIET?Volume=8&Issue=11>.
- Ahmad, M. Y., Mohamad, M. N., Muda, M. Z., Jamsari, E. A., Wan Hassan, W. Z., & Mohd Kashim, M. I. A. (2018). Confronting the Problem of Managing Unclaimed Inheritance Property of Muslims in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(4), 1459-1466. Diambil daripada <http://iaeme.com/Home/issue/IJCIET?Volume=9&Issue=4>.
- Ahmad Razimi, M. S. (2016). Concept of Islamic Inheritance Law (Faraid) in Malaysia: Issues and Challenges. *Research Journal of Applied Sciences*, 11(12), 1460-1464. Diambil daripada <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/21925>.
- Bakar, A. A., Fauzi, N. S. M., & Hashim, H. (2020). Hibah As a Way of Islamic Wealth Management. *Webology*, 17(2), 896-903. <https://doi.org/10.14704/web/v17i2/web17075>.
- Bakar, A. A., Rapi, M. A. A. M., & Sallehuddin, M. R. (2020). Property Inheritance Management: Issues Unclaimed Property. *Webology*, 17(2), 874-881. <https://doi.org/10.14704/web/v17i2/web17073>.
- Hamidon, H. A., Mokhtar, N. N. A., Zainol, N. N., Abdullah, M. I., & Sulaiman, M. A. (2022). The Issue of Unclaimed Property in State of Selangor. 37 – 47. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(46). <https://doi.org/10.55573/JISED.074606>.
- Hasbulah, M. H., Daud, M. Z., & Rosland, A. (2015). Kepentingan dan Keperluan Perancangan Harta dalam Islam: Penilaian Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 204(3959), 1-15. Diambil daripada <https://jmifr.usim.edu.my/index.php/jmifr/article/download/109/109/218>.
- Hassin, W. S. W., Shahar, W. S. S., & Zan, U. M. S. M. (2016). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Harta Pusaka Beku di Malaysia. *Proceedings of the 3rd International Conference on Management and Muamalat*. 311–315. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/342510092_FAKTOR-FAKTOR_YANG_MEMPENGARUHI_HARTA_PUSAKA_BEKU_DI_MALAYSI
- Jaafar, M.A. (2017). *Harta yang Tidak Dituntut dalam Islam dan Undang-Undang di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Diambil daripada <http://eprints.utm.my/78760/1/MohdArafatJaafarMFTI2017.pdf>.
- Kamarudin, M. K., & Abdullah, A. (2016). Amalan Pembahagian Faraid di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(3), 11-19. Diambil daripada [http://gbse.my/isijulai16/GBSE%202\(3\),%2011-19%20\(July%202016\).pdf](http://gbse.my/isijulai16/GBSE%202(3),%2011-19%20(July%202016).pdf).
- Mansor, M. S. (2021). Harta Beku Umat Islam: Penyelesaian Dari Aspek Perancangan & Pengurusan Pusaka. *ICR Journal*, 12(2), 356-357. <https://doi.org/10.52282/icr.v12i2.872>.
- Mohammad, M. T. S. H. & R. Suratman (n.d). *Methods of Identifying Land Titles of Beneficiaries Relating to Unclaimed Muslim Estates*. Diambil daripada <https://www.inspen.gov.my/images/INSPEN/PDFDoc/NAPREC%20Conference/projek%202016%202017/11.Methods%20of%20Identifying%20Land%20Titles%20and>

%20Benefeceries_Dr%20Robiah%20Suratman%20(UTM)%20chapter1.pdf pada 12 Oktober 2023.

- Naiimi, N. (2016). *Pengurusan Pusaka Islam, Wasiat dan Hibah di Malaysia: Isu dan Aplikasi (UUM Press)*. UUM Press.
- Nik Wajis, D. N. R. (2018). Harta Tidak Dituntut: Punca dan Kaedah Penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(1), 129–141. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol6no1.100>.
- Drs Nasrul, M. A., & Mohd Salim, W. N. (2018). Administration of Estates in Malaysia: Determinant of Factors Behind the Delay in the Distribution of the Deceased's Asset. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1), 75-86. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp75-86>.
- Roslan, N. F., & Ahmad, A. A. (2022). Pentadbiran Harta Pusaka dan Implikasi Negatif Harta Tidak Dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001453. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1453>.
- Said, N.L., & Ayub, W. (2021). Pelaksanaan Hibah Harta Bercagar dalam Industri Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam. *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, 19, 89-101. <https://doi.org/10.24035/ijit.19.2021.199>.
- Siti Shamsiah, M. S. (2020). *Pengurusan Harta Keluarga Islam: Satu Pengenalan. Kertas Kerja Kursus Asas Pengurusan Harta Siri 2021*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kuala Lumpur. 8-9 September. Diambil daripada www.ikim.gov.my.
- Sudirman, N. A. A., & A.M. Rapini. (2021) Kepentingan Hibah Harta Bercagar Terhadap Kelangsungan Hidup Waris: Satu Tinjauan Awal. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-6*. 504-513. Diambil daripada http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak6/eprosiding2021/e-proceeding_pasak2021_036.pdf.
- Sulong, J. (2020). Amalan Pembahagian Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 23(1), 99–131. Diambil daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25680>.
- Wan Yusoff, W. Z., & Sulaiman, M. A. (2021). The Issues of Unclaimed Properties in Malaysia. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 3(2), 9–14. Diambil daripada <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jstard/article/view/8740>.
- Zulkafli, B. N. A., & Ahmad, M. Y. (2016). Kekangan dan Penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 38(1), 53-63. Diambil daripada <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/issue/view/880>.